

FAKTOR MOTIVASI PELAJAR UNIVERSITI DALAM PEMBELAJARAN BAHASA JEPUN (*MOTIVATIONAL FACTORS OF UNIVERSITY STUDENTS IN LEARNING JAPANESE*)

Jamila Mohd¹
Talaibek Musaev²

¹*Ambang Asuhan Jepun, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya jamila@um.edu.my*

²*Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya musaev@um.edu.my*

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai faktor-faktor motivasi tiga kumpulan pelajar universiti dalam pembelajaran bahasa Jepun. Motivasi menggerakkan emosi dalaman seseorang untuk berusaha mencapai sesuatu keinginan atau matlamat. Dua objektif utama kajian ini adalah: (i) untuk mengenal pasti apakah faktor-faktor yang menjadi motivasi pelajar-pelajar universiti dalam mempelajari bahasa Jepun, dan (ii) melihat persamaan dan perbezaan faktor-faktor motivasi di antara pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus bahasa Jepun yang berbeza. Melalui dapatan kajian, faktor-faktor yang menjadi motivasi pelajar-pelajar universiti dalam mempelajari bahasa Jepun telah dapat dikenal pasti. Dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat persamaan dan perbezaan faktor-faktor motivasi di antara pelajar-pelajar mengikut perbezaan kursus-kursus bahasa Jepun yang diikuti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa corak faktor-faktor motivasi pelajar-pelajar universiti adalah berkait rapat dengan sifat, syarat, pengisian dan matlamat kursus-kursus bahasa Jepun itu sendiri. Bagi dua kursus yang menetapkan syarat wajib pencapaian bahasa Jepun, dapat dilihat faktor-faktor motivasi pelajar juga terbentuk selari bagi mencapai tujuan tersebut di mana faktor-faktor “Belajar di Jepun” dan “Minat pada bahasa serta budaya Jepun” menjadi keutamaan. Manakala satu lagi kursus di mana bahasa Jepun merupakan subjek pilihan menunjukkan faktor-faktor “Minat terhadap budaya popular Jepun” dan “Mahu melancong ke Jepun” sebagai motivasi utama. Mengenal pasti faktor-faktor motivasi pelajar dapat membantu menaikkan semangat mereka untuk belajar bahasa Jepun. Ia juga boleh dijadikan panduan berguna dalam melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif.

Kata Kunci: *Motivasi, Pelajar Universiti, Bahasa Jepun, Kursus Berbeza*

ABSTRACT

This study is about the motivation factors of three groups of university students in learning the Japanese language. Motivations drive internal emotions of an individual to strive for certain wants or goals. The two objectives of this study are: (i) to identify what are the motivational factors of these university students in learning the Japanese language, and (ii) to explore similarities and differences in students' motivations between the different courses taken. From the findings, students' motivational factors in studying Japanese has been

identified. It is also clear that there are similarities and differences in students' motivations between the different courses. Moreover, the patterns of students' motivations seem to be derived from the nature, requirements, contents and final goals of the courses taken. Students' motivations can be seen from the two courses requiring Japanese language proficiency in which the factors "Studying in Japan" and "Interest in learning the Japanese language and culture" were given as choices. Whereas another course in which learning the Japanese language was selected as an elective subject shows students' motivation stems mainly on their "Interest in popular Japanese culture" and "Interest to travel to Japan". Having awareness of students' motivations could help to stimulate their interest in studying the Japanese language. It may also guide for more effective teaching and learning process.

Keywords: Motivation, University Students, Japanese Language, Different Courses

1. PENGENALAN

Kebanyakan universiti di Malaysia menawarkan kursus atau mata pelajaran bahasa Jepun sama ada sebagai mata pelajaran utama atau mata pelajaran pilihan (*elective subject*) dalam syarat program. Mempelajari bahasa Jepun boleh menjadi pengalaman yang mengembirakan atau sebaliknya bergantung kepada motivasi pelajar dalam proses pembelajaran tersebut.

Terdapat pelbagai kajian yang menghuraikan tentang konsep "Motivasi" (Dornyei 1990; Masgoret & Gardner 2003; Noels (2001a & 2001b); Tremblay and Gardner 1995; Zaliza et al 2014) tetapi sukar untuk mencari satu huraian yang dipersetujui bersama. Bagi penulis, Motivasi adalah faktor-faktor yang menggerakkan emosi dalaman seseorang untuk berusaha mencapai sesuatu keinginan atau matlamat. Dengan adanya motivasi, seseorang akan mampu mencapai sesuatu keinginan atau matlamat sekalipun sukar. Individu yang bermotivasi cenderung untuk berusaha bersungguh-sungguh, bersemangat, fokus, konsisten, seronok dengan apa yang dilakukan, gembira dengan kejayaan, sedih dengan kegagalan, tidak berputus-asa dan mempunyai taktik serta strategi untuk mencapai sesuatu matlamat yang telah ditetapkan. Menurut Masgoret & Gardner (2003), individu yang bermotivasi mempamerkan pelbagai sikap, emosi, kesedaran dan lain-lain manakala individu yang tidak bermotivasi adalah sebaliknya.

Noels (2001a & 2001b) menyatakan bahawa terdapat dua kategori faktor yang membentuk motivasi iaitu *Intrinsic Orientations* (Orientasi Dalaman) dan *Extrinsic Orientations* (Orientasi Luaran). Orientasi Dalaman merujuk kepada kepuasan dan rasa teruja atas pertambahan ilmu pengetahuan, pencapaian diri atau memperoleh pengalaman. Orientasi Luaran merujuk kepada faktor luaran seperti mendapat ijazah, anugerah, ganjaran dan sebagainya. Ayuni M.B & Rohaidah K. (2016) menggunakan rangka kerja (*framework*) tersebut dalam kajian mengenai hubungan faktor ekstralinguistik bahasa kedua dengan pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di lima buah universiti di Malaysia. Dapatan kajian tersebut menunjukkan Motivasi *Intrinsic* pelajar asing berada di tahap tertinggi berbanding Motivasi *Extrinsic*.

Terdapat banyak kajian yang menggabungkan faktor sikap dan motivasi sebagai subjek utama (Dornyei 1990; Masgoret & Gardner 2003; Tremblay and Gardner 1995; Zaliza et al 2014; dan lain-lain). Walaupun setiap kajian ini menggunakan pendekatan serta ukuran yang berbeza, dapatan kajian menunjukkan motivasi berkait rapat dengan sikap dan pencapaian dalam pembelajaran.

Dalam konteks pembelajaran bahasa asing atau bahasa kedua, kajian-kajian lampau mendapati motivasi pelajar dilihat sebagai faktor yang sangat penting bagi membolehkan proses pembelajaran berjalan lancar dan menyeronokkan serta berjaya mencapai matlamat akhir pembelajaran tersebut.

2. OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat dua Objektif utama kajian ini:

- (1) Mengetahui pasti apakah faktor-faktor yang menjadi motivasi pelajar-pelajar universiti dalam mempelajari bahasa Jepun.
- (2) Melihat sama ada terdapat persamaan dan perbezaan faktor-faktor motivasi di antara pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus bahasa Jepun yang berbeza.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan dua kaedah, iaitu:

- (1) Borang Soal-selidik
- (2) Wawancara Susulan

Terdapat tiga kumpulan pelajar universiti yang menjadi responden kajian ini, iaitu:

- (1) Pelajar-pelajar bahasa Jepun di Ambang Asuhan Jepun, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya
- (2) Pelajar-pelajar bahasa Jepun di Jabatan Bahasa-bahasa Asia dan Eropah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya
- (3) Pelajar-pelajar bahasa Jepun di *International University of Malaya-Wales*

Kumpulan responden pertama iaitu pelajar-pelajar bahasa Jepun di Ambang Asuhan Jepun, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya (selepas ini dinamakan singkatan sebagai *Pelajar AAJ*) merupakan pelajar tahun dua program Rancangan Persediaan Khas ke Jepun. Pelajar AAJ ini mempelajari bahasa Jepun secara intensif pada setiap hari. Selain subjek bahasa Jepun, Pelajar AAJ juga mempelajari subjek-subjek Matematik, Fizik dan Kimia dalam bahasa Jepun. Matlamat pembelajaran bahasa Jepun kumpulan ini adalah jelas iaitu melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti di Jepun selepas menamatkan Semester 4 dengan jayanya. Bahasa Jepun merupakan bahasa pengantar utama dalam program pengajian ini. Terdapat 50 orang responden dari kumpulan Pelajar AAJ.

Kumpulan responden kedua iaitu pelajar-pelajar bahasa Jepun di Jabatan Bahasa-bahasa Asia dan Eropah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya (selepas ini dinamakan singkatan sebagai *Pelajar FBL*) merupakan pelajar tahun satu hingga tahun tiga yang mengambil bidang pengajian Jepun. Sewaktu di tahun dua, mereka juga mengambil subjek-subjek lain dalam bahasa Jepun seperti Fonetik dan Fonologi Bahasa Jepun, Morfologi Bahasa Jepun, Bahasa dan Tamadun Jepun, Bahasa dan Kesusasteraan Jepun, Evolusi dan

Kelainan Bahasa Jepun dan Penterjemahan Dua Hala Bahasa Jepun. Sebahagian pelajar yang berminat akan berpeluang mendapatkan pembiayaan untuk melanjutkan pengajian ke universiti-universiti di Jepun dalam tempoh pengajian di Universiti Malaya. Bahasa Jepun merupakan bahasa pengantar utama dalam program pengajian ini. Terdapat 20 orang responden dari kumpulan Pelajar FBL.

Kumpulan responden ketiga iaitu pelajar-pelajar bahasa Jepun di *International University of Malaya-Wales* (selepas ini dinamakan singkatan sebagai *Pelajar IUMW*) merupakan pelajar Semester 2 dan Semester 3. Pelajar IUMW mengambil subjek bahasa Jepun sebagai pilihan bahasa asing (*elective subject*) yang perlu diambil bagi menyempurnakan syarat pengajian. Pilihan bahasa asing yang ditawarkan adalah di antara bahasa Jepun, bahasa Arab dan bahasa Mandarin. Responden belajar bahasa Jepun sekali seminggu selama 2 jam. Selain subjek bahasa Jepun ini, responden tidak perlu menggunakan bahasa Jepun dalam subjek-subjek lain. Terdapat 30 orang responden dari kumpulan Pelajar IUMW.

Terdapat empat soalan di dalam borang soal-selidik. Semua soalan tidak mengehendkan berapa bilangan jawapan yang boleh dinyatakan. Soalan pertama adalah mengenai sebab mengapa memilih untuk mempelajari bahasa Jepun. Soalan kedua berkenaan motivasi dalam pembelajaran bahasa Jepun. Soalan ketiga adalah mengenai pilihan pekerjaan selepas tamat pengajian dan soalan keempat adalah mengenai keinginan menggunakan bahasa Jepun dalam pekerjaan atau karier selepas tamat pengajian. Walau bagaimanapun, hanya dapatan dan analisis soalan kedua akan dibincangkan dalam kajian ini.

Wawancara Susulan pula dibuat bagi mendapatkan penerangan lanjut atau penjelasan atas perkara yang dinyatakan bagi responden yang berkenaan sahaja. Contohnya, bagi responden yang menyatakan “Saya mahu pergi ke Jepun” akan ditanya tujuan pergi ke Jepun sama ada untuk belajar, bekerja, menetap atau melancong.

4. DAPATAN KAJIAN

Semua responden menulis satu hingga enam faktor “Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Jepun” mereka. Terdapat kebimbangan di mana responden keliru atau mencampur-adukkan antara “Sebab Mengapa Memilih untuk Mempelajari Bahasa Jepun” dan “Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Jepun”. Bagi mengelakkan masalah tersebut, kedua-dua soalan ini ditanyakan tetapi diasingkan bagi membolehkan responden membezakan antara keduanya. Soalan pertama adalah mengenai sebab mengapa memilih untuk mempelajari bahasa Jepun, manakala soalan kedua adalah berkenaan motivasi dalam pembelajaran bahasa Jepun. Hanya jawapan responden di soalan kedua dikira sebagai dapatan dalam kajian ini. Kajian ini menerima perkara-perkara yang dinyatakan oleh responden sebagai faktor-faktor motivasi dalam pembelajaran bahasa Jepun kerana responden yang lebih tahu apakah yang menjadi penggerak emosi dalaman mereka.

Faktor Budaya Jepun dan faktor Budaya Popular Jepun (*Popular Culture* atau *Pop Culture*) diasingkan sebagai dua faktor berbeza dalam data dapatan. *Anime* (animasi), *manga* (komik), permainan video, filem, drama dan lagu Jepun dimasukkan ke dalam faktor Budaya Popular Jepun.

Faktor-faktor motivasi disusun mengikut bilangan kekerapan dinyatakan oleh responden.

4.1 Kumpulan Pelajar AAJ

Rajah 1 menunjukkan dapatan kajian borang soal-selidik kumpulan responden pertama iaitu *Pelajar AAJ*. Responden menyatakan minima satu faktor manakala maksima enam faktor. Terdapat 43 faktor dengan 138 kekerapan yang dinyatakan sebagai “Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Jepun” mereka.

Rajah 1: Kumpulan Pelajar AAJ – Faktor Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Jepun

	FAKTOR-FAKTOR MOTIVASI	
1	Mahu belajar di Jepun	17
2	Harapan dan galakan keluarga (membanggakan dan membahagiakan keluarga)	15
3	Mahu / Minat mempelajari budaya Jepun	10
4	Suka / Minat bahasa Jepun	8
5	Mahu berkomunikasi dengan orang Jepun	6
6	Suka menonton <i>anime</i> (animasi) Jepun	6
7	Mahu / Seronok menonton <i>anime</i> (animasi) Jepun tanpa sari kata (<i>subtitle</i>)	6
8	Perjanjian ikatan biasiswa	5
9	Suka / Minat bahasa asing	4
10	Berminat dengan teknologi Jepun	4
11	Suka lagu Jepun	4
12	Dorongan dan galakan <i>Sensei</i> (guru-guru) di AAJ	4
13	Sokongan kawan-kawan di AAJ	4
14	Untuk pastikan lulus peperiksaan	3
15	Mahu menjadi orang yang lebih baik dengan mempelajari cara dan budaya Jepun	3
16	Suka belajar	2
17	Suka belajar bahasa / perkara baru	2
18	Dapat meluaskan ilmu pengetahuan	2
19	Mahu bercakap bahasa Jepun	2
20	Mahu mempelajari cara orang Jepun berfikir	2
21	Mahu memudahkan kehidupan dan pembelajaran di Jepun	2
22	Galakan daripada guru sekolah menengah	2
23	Galakan <i>Senpai</i> (<i>Senior</i>)	2
24	Suasana / Sistem pembelajaran di AAJ	2
25	Satu-satunya ahli keluarga yang tahu bahasa Jepun	2
26	Mahu menjadi contoh yang baik untuk adik-beradik yang lain	2
27	Diri Sendiri : Azam untuk buat yang terbaik dalam apa yang dipilih	1
28	Mahu menguasai bahasa asing	1
29	Mahu bercakap bahasa Jepun dengan fasih	1
30	Mahu menguasai semua aspek bahasa Jepun	1
31	Suka mata pelajaran Matematik Jepun	1
32	Mahu berkongsi keindahan Islam dan budaya Melayu dengan orang Jepun	1
33	Ada pengalaman manis pergi ke Jepun	1
34	Ada kawan Jepun	1
35	Mahu berjumpa rakan Jepun yang tinggal di Jepun	1
36	Mahu menonton drama Jepun tanpa sari kata (<i>subtitle</i>)	1
37	Minat bermain permainan video Jepun	1
38	Mahu mencipta lagu dalam bahasa Jepun	1

39	Mahu membaca buku Jepun	1
40	Mahu membaca novel ringan Jepun	1
41	Mahu membaca surat khabar Jepun	1
42	Berminat dengan Kenderaan keluaran Syarikat HONDA	1
43	Boleh digunakan dalam pekerjaan	1
	JUMLAH KEKERAPAN	138

Terdapat banyak variasi faktor motivasi yang dinyatakan oleh kumpulan Pelajar AAJ. Kebanyakan faktor motivasi yang dinyatakan adalah yang berkait rapat dengan keadaan dan keperluan sebagai pelajar tajaan ke luar negara (Jepun). Motivasi paling banyak dinyatakan oleh kumpulan ini ialah “Mahu belajar di Jepun” sebanyak 12%, diikuti “Harapan dan Galakan Keluarga” sebanyak 11%, “Mahu/Minat mempelajari budaya Jepun” 7% dan “Suka/Minat bahasa Jepun” sebanyak 6%. Ia bersesuaian dengan sifat program kumpulan ini yang matlamat akhirnya adalah untuk melanjutkan pengajian ke Jepun. Faktor-faktor budaya popular Jepun iaitu *anime* (animasi) dan lagu juga menjadi pilihan. Sebagai sebuah program akademik yang ditaja dan bersyarat, “Perjanjian ikatan biasiswa” (4%) juga merupakan faktor motivasi yang mengikat sebahagian responden.

Walau bagaimanapun, terdapat seorang responden yang menyatakan bahawa dia tidak mempunyai sebarang motivasi tetapi menambah bahawa hakikatnya dia telah sampai ke tahap sekarang dan ingin terus memperbaiki diri.

4.2 Kumpulan Pelajar FBL

Rajah 2 menunjukkan dapatan kajian faktor soal-selidik kumpulan responden kedua iaitu *Pelajar FBL*. Responden menyatakan minima satu faktor manakala maksima tiga faktor. Terdapat 21 faktor dengan 42 kekerapan yang dinyatakan sebagai “Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Jepun” mereka.

Rajah 2: Kumpulan Pelajar FBL – Faktor Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Jepun

	FAKTOR-FAKTOR MOTIVASI	
1	Suka / Minat bahasa Jepun	6
2	Mahu bercakap bahasa Jepun	4
3	Mahu / Minat mempelajari budaya Jepun	4
4	Mahu belajar di Jepun	4
5	Harapan dan Galakan Keluarga	3
6	Mahu menonton <i>anime</i> (animasi) Jepun tanpa sari kata (<i>subtitle</i>)	3
7	Suka menonton <i>anime</i> (animasi) Jepun	2
8	Mahu membaca <i>manga</i> (komik) Jepun tanpa terjemahan	2
9	Mahu berkomunikasi dengan orang Jepun	2
10	Diri Sendiri : Mahu memperbaiki diri dalam mempelajari bahasa Jepun dan tidak mempersiapkan peluang yang ada	1
11	Berminat dengan tulisan <i>Kanji</i>	1
12	Menjadikan belajar bahasa Jepun sebagai hobi	1
13	Mahu bercakap bahasa Jepun dengan fasih	1
14	Mahu berkomunikasi dengan kawan Jepun	1

15	Mahu berkomunikasi dengan keluarga angkat Jepun	1
16	Mahu melancong ke Jepun	1
17	Mahu berkahwin dengan teman lelaki Jepun	1
18	Suka menonton drama Jepun	1
19	Suka menyanyi lagu Jepun	1
20	Bantuan dan sokongan kawan	1
21	Mahu menggunakan bahasa Jepun dalam pekerjaan (bagi menghubungkan Jepun dan Sabah dalam industri pelancongan)	1
JUMLAH KEKERAPAN		42

Kebanyakan faktor motivasi yang dinyatakan oleh kumpulan Pelajar FBL adalah berkenaan minat secara langsung kepada bahasa dan budaya Jepun itu sendiri, dengan motivasi paling banyak ialah “Suka/Minat bahasa Jepun” sebanyak 14%, diikuti “Mahu bercakap bahasa Jepun”, “Mahu/Minat mempelajari budaya Jepun” dan “Mahu belajar di Jepun”, masing-masing sebanyak 10%. “Harapan dan Galakan Keluarga” pula menunjukkan peratusan sebanyak 7%. Faktor-faktor budaya popular Jepun iaitu *anime* (animasi) dan *manga* (komik) juga menjadi pilihan.

Walau bagaimanapun, terdapat seorang responden yang menyatakan bahawa dia tidak mempunyai sebarang motivasi tetapi hanya buat yang terbaik.

4.3 Kumpulan Pelajar IUMW

Rajah 3 menunjukkan dapatan kajian faktor soal-selidik kumpulan responden ketiga iaitu *Pelajar IUMW*. Responden menyatakan minima satu faktor manakala maksima empat faktor. Terdapat 27 faktor dengan 60 kekerapan yang dinyatakan sebagai “Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Jepun” mereka.

Rajah 3: Kumpulan Pelajar IUMW – Faktor Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Jepun

FAKTOR-FAKTOR MOTIVASI		
1	Suka menonton <i>anime</i> (animasi) Jepun	9
2	Mahu pergi melancong ke Jepun	6
3	Suka / Minat bahasa Jepun	5
4	Suka belajar bahasa / perkara baru	4
5	Dapat meluaskan ilmu pengetahuan	3
6	Mahu menonton <i>anime</i> (animasi) Jepun tanpa sari kata (<i>subtitle</i>)	3
7	Mahu memahami bahasa Jepun	2
8	Mahu / Minat mempelajari budaya Jepun	2
9	Mahu berkomunikasi dengan orang Jepun	2
10	Suka menonton drama Jepun	2
11	Mahu menonton drama Jepun tanpa sari kata (<i>subtitle</i>)	2
12	Mahu membaca <i>manga</i> (komik) Jepun tanpa terjemahan	2
13	Bantuan dan sokongan kawan	2
14	Suka makanan Jepun	2
15	Mahu menjalani latihan pekerjaan (<i>internship</i>) di Jepun	2
16	Diri Sendiri	1

17	Suka / Minat bahasa asing	1
18	Mahu belajar bahasa Jepun dengan lebih mendalam	1
19	Mahu bercakap bahasa Jepun	1
20	Mahu menulis dalam bahasa Jepun mudah	1
21	Mahu menonton filem Jepun tanpa sari kata (<i>subtitle</i>)	1
22	Mahu membaca makalah (<i>article</i>) Jepun tanpa terjemahan	1
23	Mahu membaca buku Jepun	1
24	Suka bermain permainan video Jepun	1
25	Dorongan dan galakan <i>Sensei</i> (guru)	1
26	Bantuan dan galakan keluarga	1
27	Ada pengalaman manis pergi ke Jepun	1
	JUMLAH KEKERAPAN	60

Faktor budaya popular Jepun menjadi motivasi pilihan kumpulan Pelajar IUMW. Ini dapat dilihat pada faktor “Suka menonton *anime* (animasi) Jepun” dengan 15% sebagai yang terbanyak. Faktor motivasi “Mahu pergi melancong ke Jepun” pula menjadi motivasi kedua terbanyak iaitu 10%. Ini menjadikan satu per empat atau 25% motivasi Pelajar IUMW tidak berkaitan dengan keperluan pengajian. Perkara ini dapat difahami kerana bahasa Jepun adalah subjek pilihan dan bukanlah tunjang utama dalam pengajian responden.

Walau bagaimanapun, faktor-faktor berkenaan minat secara langsung kepada bahasa dan budaya Jepun iaitu “Suka/Minat bahasa Jepun” (8%), “Mahu memahami bahasa Jepun” (3%), “Mahu/Minat mempelajari budaya Jepun” (3%), “Mahu belajar bahasa Jepun dengan lebih mendalam” (2%), “Mahu bercakap bahasa Jepun” (2%) dan “Mahu menulis dalam bahasa Jepun mudah” (2%) turut tersenarai. Selain itu, faktor “Mahu menjalani latihan pekerjaan (*internship*) di Jepun” (3%) juga merupakan motivasi menarik Pelajar IUMW.

5. PERSAMAAN DAN PERBEZAAN MOTIVASI PELAJAR UNIVERSITI

Terdapat persamaan dan perbezaan dalam faktor-faktor motivasi di antara pelajar-pelajar universiti yang mengikuti program bahasa Jepun yang berbeza dalam kajian ini.

Dari segi persamaan utama, ketiga-tiga kumpulan responden menyenaraikan faktor-faktor “Mahu pergi ke Jepun (belajar atau melancong)”, “Minat mempelajari bahasa dan budaya Jepun”, “Kegemaran pada budaya popular Jepun” dan “Galakan Keluarga, *Sensei* (Guru) serta Kawan” sebagai perkara-perkara yang menjadi motivasi mereka dalam pembelajaran bahasa Jepun. Walau bagaimanapun, peratusan yang ditunjukkan oleh setiap kumpulan adalah berbeza.

Persamaan yang dapat dilihat di antara kumpulan Pelajar AAJ dan Pelajar FBL adalah, faktor-faktor “Mahu Belajar di Jepun” dan “Mempelajari Bahasa dan Budaya Jepun” merupakan motivasi utama dalam pembelajaran bahasa Jepun. Ini dapat difahami kerana ia menjurus kepada sifat, syarat, pengisian dan matlamat utama dalam pengajian akademik yang diikuti. Faktor “Harapan dan Galakan Keluarga” juga menjadi motivasi Pelajar AAJ dan Pelajar FBL. Sudah pasti keluarga memberikan perhatian dan galakan kepada responden kerana bahasa Jepun merupakan tunjang utama bidang pengajian yang dipilih.

Berbeza dengan Pelajar AAJ dan Pelajar FBL, Pelajar IUMW menjadikan faktor budaya popular Jepun sebagai motivasi pilihan. Ini dapat dilihat pada faktor “Suka menonton *anime* (animasi) Jepun” sebagai yang terbanyak. Jika digabungkan kesemua faktor budaya popular

iaitu “Suka Menonton *anime* (animasi) Jepun”, “Mahu menonton *anime* (animasi) Jepun tanpa sari kata (*subtitle*)”, “Suka menonton drama Jepun”, “Mahu menonton drama Jepun tanpa sari kata (*subtitle*)”, “Mahu menonton filem Jepun tanpa sari kata (*subtitle*)”, dan “Mahu membaca *manga* (komik) Jepun tanpa terjemahan” dan “Suka bermain permainan video Jepun”, ia membentuk pilihan sebanyak 33.3% atau satu pertiga daripada kesemua faktor motivasi Pelajar IUMW.

Terdapat empat motivasi yang menarik dari kumpulan pelajar AAJ iaitu “Mahu menjadi orang yang lebih baik dengan mempelajari cara dan budaya Jepun”, “Mahu berkongsi keindahan Islam dan budaya Melayu dengan orang Jepun”, “Mahu mencipta lagu dalam bahasa Jepun” dan “Berminat dengan Kenderaan keluaran Syarikat HONDA”. Daripada empat faktor motivasi ini, “Mahu menjadi orang yang lebih baik dengan mempelajari cara dan budaya Jepun” dikongsi oleh tiga responden manakala tiga faktor lagi adalah milik individu.

Terdapat tiga motivasi individu yang dianggap unik dari kumpulan Pelajar FBL iaitu “Menjadikan belajar bahasa Jepun sebagai hobi”, “Mahu menggunakan bahasa Jepun dalam pekerjaan (bagi menghubungkan Jepun dan Sabah dalam industri pelancongan)” dan “Mahu berkahwin dengan teman lelaki Jepun”. Responden ketiga ini telahpun mempunyai teman lelaki warga Jepun yang tinggal di Jepun.

Faktor “Suka makanan Jepun” merupakan motivasi unik Pelajar IUMW. Manakala faktor motivasi “Mahu menjalani latihan pekerjaan (*internship*) di Jepun” hanya dapat dilihat dalam kumpulan Pelajar IUMW. Subjek pilihan bahasa Jepun bagi Pelajar IUMW tidak menawarkan sebarang peluang belajar di Jepun. Walau bagaimanapun, terdapat dua orang responden yang berminat untuk mencari peluang menjalani latihan pekerjaan di Jepun atas inisiatif sendiri.

6. RUMUSAN

Melalui dapatan kajian, faktor-faktor yang menjadi motivasi pelajar-pelajar universiti dalam mempelajari bahasa Jepun telah dapat dikenal pasti. Kajian juga menunjukkan bahawa terdapat persamaan dan perbezaan dalam motivasi pelajar-pelajar mengikut perbezaan kursus-kursus bahasa Jepun yang diikuti.

Dapat disimpulkan bahawa faktor-faktor motivasi pelajar-pelajar universiti adalah berkait rapat dengan sifat, syarat, pengisian dan matlamat kursus-kursus bahasa Jepun yang ditawarkan. Bagi kursus yang menetapkan syarat pencapaian bahasa Jepun, dapat dilihat faktor-faktor motivasi pelajar juga terbentuk bagi mencapai tujuan tersebut.

Mengenal pasti faktor-faktor motivasi pelajar dapat dijadikan panduan berguna dalam melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif. Pengajar dapat menyelami emosi yang menggerakkan minat pelajar untuk mempelajari bahasa Jepun. Ia secara tidak langsung dapat membantu dan memudahkan pengajar untuk merangka dan menyediakan silibus serta bahan-bahan pengajaran yang bersesuaian dengan minat dan motivasi pelajar.

RUJUKAN

- Ayuni Mohamad Bakari & Rohaidah Kamaruddin. (2016). *Faktor Ekstralinguistik: Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Asing di 5 Universiti di Malaysia*. International Journal of the Malay World and Civilization, 4(2), 83-92.
- Dornyei, Z. (1990). *Conceptualizing Motivation in Foreign-Language Learning*. Language Learning, 40, 45-78.
- Dornyei, Z. (1998). *Motivation in Second and Foreign Language Learning*. Language Teaching, 31, 117-135. Cambridge University Press.
- Masgoret, A.M. & Gardner, R.C. (2003). *Attitudes, Motivation, and Second Language Learning: A Meta-Analysis of Studies Conducted by Gardner and Associates*. Attitudes, Orientations, and Motivations in Language Learning: Advances in Theory, Research and Applications. Ed. Dörnyei, Z. Malden (USA): Blackwell. 167-210.
- Noels, K.A. (2001a). *New Orientation in Language Learning Motivation: Towards a Model of Intrinsic, Extrinsic and Integrative Orientations and Motivation*. In Z.Dornyei & R.Schmidt (Eds.), *Motivation and Second Language Learning*, 43-68. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Noels, K.A., Clement, R. & Pelletier, L.G. (2001b). *Intrinsic, Extrinsic, and Integrative Orientations of French Canadian Learners of English*. The Canadian Modern Language Review, 57, 3, 424-442.
- Tremblay, P.F. & Gardner, R.C. (1995). *Expanding the Motivation Construct in Language Learning*. Modern Language Journal, 79, 505-518.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Akma Zainon Hamzah. (2014). *Sikap dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu*. Procedia – Social and Behavioral Science, 134, 408-415.